

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 4 TAHUN 2007**

---

**TUNTUTAN KERANA BERTUKAR ATAU BERPINDAH RUMAH**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk **memaklumkan keputusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia Bil.1/2007 bertarikh 12 April 2007 yang telah meluluskan panduan tuntutan pertukaran kepada staf Universiti Malaysia Pahang.**

**LATARBELAKANG**

2. “Bertukar” bermakna pegawai bertukar ke luar stesen.
3. “Berpindah Rumah” bermakna;
  - (a) berpindah rumah dari rumah sendiri/rumah sewa/rumah Kerajaan ke rumah Kerajaan atau rumah sewanya dibayar oleh Kerajaan dan sebaliknya atas arahan pihak berkuasa tertentu; atau
  - (b) berpindah rumah dari rumah sendiri/rumah sewa/rumah Kerajaan ke rumah yang dibeli di bawah Skim Pinjaman Perumahan
4. “Stesen” bagi tujuan pertukaran bermakna satu lingkungan kawasan 25 km dari pejabat lama ke pejabat baru, manakala bagi tujuan perpindahan rumah, satu lingkungan kawasan 25 km dari rumah lama ke rumah baru.

**SYARAT-SYARAT**

5. Pegawai dari agensi awam yang **dipinjamkan** ke Universiti Malaysia Pahang (UMP) layak menuntut elaun pertukaran ke luar Stesen, **manakala** pegawai yang memohon ke UMP **atau** dilepaskan dengan izin **tidak layak**.
6. Pegawai yang **berpindah rumah layak menuntut** elaun bagi perpindahan rumah **tertakluk** kepada syarat pegawai mendiami rumah tersebut;

- i. Perpindahan rumah antara blok dalam kompleks yang sama, pegawai hanya layak menuntut ½ atau 50% daripada bayaran penuh
  - ii. Jika kemudahan pengangkutan barang-barang disediakan, pegawai hanya layak menuntut ½ atau 50% daripada bayaran penuh
  - iii. Bagi perpindahan rumah antara tingkat dalam blok yang sama pegawai tidak layak menuntut apa-apa elaan
7. Menggunakan prosedur yang sedia ada sekarang iaitu borang dari Jabatan Bendahari.
  8. Kadar tuntutan adalah mengikut Pekeliling/ Surat Pekeliling yang sedang berkuat kuasa.

### **PENUTUP**

9. Semua Dekan, Pengarah, serta Ketua-Ketua Bahagian di UMP adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap tuntutan staf di Fakulti/ Jabatan/ Bahagian/ masing-masing supaya tuntutan yang dikemukakan adalah teratur dan prosedur-prosedur yang digariskan di dalam surat pekeliling ini dipatuhi.

### **KUATKUASA**

10. Peraturan ini berkuatkuasa serta-merta dan dikebelakangkan bermula dari tarikh penubuhan UMP pada 1 Februari 2007 (yang dahulunya dikenali sebagai KUKTEM).

**”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**Saya yang menjalankan tugas,**

**(HAJI SA’UDI BIN HAJI AHMAD, SMP., PKC.)  
PENDAFTAR**

Tarikh :

**Edaran Kepada.:**

Ketua Pustakawan

Semua Pengarah

Semua Dekan

Semua Timbalan Pendaftar

Timbalan Bendahari

Pegawai Keselamatan

**Salinan Kepada.:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Pkh/c/pekeliling/spp4